

Kerjasama penyelidikan *coating* UMP dengan syarikat Jepun

UTUSAN MALAYSIA (CHELO KAMPUS) 21 OKT 2016 M/S 25

UNIVERSITI Malaysia Pahang (UMP) menjalinkan kerjasama dengan syarikat Jepun, Eco 24 Co. Ltd yang merupakan syarikat yang banyak mendapat pengiktirafan di negara Jepun bagi penghasilan produk salutan *coating* yang mesra alam untuk kegunaan pelbagai industri di Malaysia.

Majlis itu menyaksikan Naib Canselor UMP, **Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Presiden Eco 24 Co. Ltd, Shunichi Hama.

Hadir sama, Pengarah Urusan Jetro Kuala Lumpur, Akira Kajita; Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Zamri Hassan; Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mashitah Mohd Yusoff; dan Dekan Fakulti kejuruteraan Mekanikal, Prof. Dr. Rizalman Mamat.

Menurut Daing Nasir, UMP akan bekerjasama dalam berkongsi kepakaran untuk membangunkan produk *coating* yang bersesuaian dengan iklim di Malaysia.

Katanya, *coating* berfungsi untuk melindungi permukaan subjek dan mengelakkan subjek daripada rosak

(erosion, deteriorate) dan produk ini juga digunakan dalam kerja automotif dan struktur bangunan.

“Kira-kira 80 peratus hasil jualan Eco 24 adalah berkaitan menangani masalah asbestos dalam binaan bangunan dan sebagainya.

“Dengan pemindahan teknologi pembangunan produk *coating* yang mesra alam ini kita dapat berkongsi teknologi terkini dalam menangani masalah asbestos serta mengenal pasti bangunan sekolah, premis kerajaan, rumah atau bangunan-bangunan lain yang menghadapi masalah asbestos dengan menjalankan projek khidmat sosial bersama pihak Eco 24,” katanya.

Daing Nasir berkata, kerjasama strategik itu memberi peluang kepada UMP dalam menyediakan khidmat teknikal seperti membuat analisis dan menyediakan laporan teknikal berkaitan usaha penggunaan produk *coating* termasuklah melindungi jubin dan kubah masjid daripada rosak kesan daripada pendedahan kepada cahaya matahari dan iklim Malaysia tropika yang panas dan lembap.

“Selain dapat menyelesaikan masalah asbestos dalam binaan,

ia dapat menangani kesan bahaya terhadap kesihatan dalam jangka masa panjang. UMP juga akan bekerjasama dalam memberi khidmat nasihat untuk mendapatkan status halal bagi produk *coating* ini,” katanya.

Pada majlis itu turut diadakan majlis penyerahan sumbangan geran penyelidikan bernilai 1 juta yen Jepun atau RM39,000 untuk pembangunan produk *coating* bagi aplikasi bernilai tinggi seperti panel solar, kegunaan industri petroleum dan gas dan sebagainya.

Eco 24 turut menyumbang sebanyak 33 juta yen Jepun atau RM 1.3 juta kepada UMP dalam bentuk material untuk projek khidmat masyarakat (CSR) bagi menangani masalah asbestos di Pahang. Melalui projek CSR ini, secara tidak langsung ia akan membantu memberi kesedaran terhadap bahaya asbestos.

Tambah Daing Nasir, usaha sama ini bakal merealisasikan Pelan Strategik UMP 2016-2020 ke arah memasyarakatkan teknologi dengan berkongsi kepakaran yang dapat dimanfaatkan komuniti khususnya di Pahang.



DR. DAING NASIR IBRAHIM (tiga dari kiri) bertukar dokumen MoU dengan Shunichi Hama (tiga dari kanan) di Kuala Lumpur baru-baru ini.